

Telefon : 912090

Bil.Surat Kita: (11)dlm. LJM.28
Jld.2

Bil.Surat Tuan:

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
d/a Kementerian Kerjaraya dan
Kemudahan Awam, Malaysia,
Jalan Tun Ismail,
KUALA LUMPUR 10-02

Harap sebutkan bilangan surat
kami apabila menjawab.

19hb. Ogos, 1982

Kepada Semua Jurutera-Jurutera Professional,

Pelan-pelan "Engineering Survey"


Dewasa ini satu kes, dimana pelan-pelan "Engineering Survey" yang dimajukan oleh seorang Jurutera Professional Berdaftar telah tidak diterima oleh sebuah Jabatan Kerajaan, telah dirujuk kepada Lembaga Jurutera Malaysia. Jabatan Kerajaan tersebut telah menegaskan bahawa kerja-kerja "engineering survey" cuma boleh dijalankan oleh Juru Ukur-Juru Ukur Perunding Berlesen seperti yang telah disediakan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13/1981 (yang ada kaitan dengan perantikan Juru Ukur-Juru Ukur Perunding serta pembayaran kepada mereka).

2. Lembaga Jurutera telah meneliti perkara tersebut dengan terperinci dan memutuskan :-

- 1) Bahawa kerja-kerja "engineering survey" adalah di dalam skop kejuruteraan awam dan wajarlah dijalankan oleh kakitangan kejuruteraan awam, walau pun Juru Ukur-Juru Ukur Tanah boleh juga menjalankan kerja yang sedemikian rupa; dan.
- ii) Semua Jurutera Professional Berdaftar (Awam) adalah dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja "engineering survey" dan pembayaran bagi kerja-kerja tersebut mestilah berdasarkan skel fee yang tercatat di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13/1981.

Penjelasan lanjut boleh didapati dari Lembaga Jurutera Malaysia untuk menetapkan samada sesuatu kerja ukur tanah itu boleh diterima sebagai "engineering survey".

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA,


(TAN SRI DATO' M. YUSUFF BIN H.J. M. YUNUS),
Yang Di Pertua.